

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang sebab-sebab permainan tradisional kian terpinggir dan langkah-langkah untuk mempopularkan permainan tradisional. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Permainan tradisional merupakan salah satu permainan ciptaan masyarakat tradisional. Permainan warisan budaya ini menjadi kebanggaan masyarakat silam. Permainan ini boleh sahaja dimainkan di serambi, di halaman rumah, dan di kawasan tanah lapang yang tidak memerlukan belanja tetapi mereka dapat berkongsi kerian dan kegembiraan.

Namun demikian, permainan tradisional tidak lagi menjadi kegemaran kepada generasi muda yang terdedah pada peralatan telekomunikasi yang mengasyikkan. Kecanggihan permainan terkini telah *melunturkan keghairahan* mereka daripada memilih permainan rakyat yang menjadi simbol warisan sejarah dan budaya bangsa. Permainan tradisional tidak menjadi pilihan generasi muda yang diruntun oleh pelbagai aplikasi permainan alam maya. Hal ini berbeza dengan suatu ketika dahulu semasa kanak-kanak menghabiskan masa bermain permainan tradisional yang memerlukan pergerakan fizikal dan ketajaman mental. Secara tidak langsung, permainan ini dapat melatih kekuatan fizikal dan mental para pemain. Sebaliknya, generasi muda lebih selesa melayan permainan video. Perbezaan yang berlaku amat jelas apabila ketawa bersama-sama rakan digantikan dengan budaya kera sumbang apabila mereka menghabiskan masa bersendirian dengan peralatan elektronik masing-masing daripada bersosial dengan teman-teman.

Permainan tradisional seperti batu seremban, congkak, gasing, galah panjang, dan layang-layang amat digemari oleh golongan kanak-kanak. Permainan warisan itu membawa bersama-sama pelbagai kelebihan termasuklah memupuk semangat berpasukan. Malangnya, permainan tersebut kian luntur peminatnya apabila berlaku pertembungan antara permainan tradisional dengan permainan moden yang canggih. Perkara ini tidak terjangkau oleh pemikiran generasi kini disebabkan mereka jarang-jarang dapat menyertai permainan warisan ini. Sekiranya mereka meminati permainan tradisional seperti wau dan gasing, hajat mereka masih terhalang apabila kekurangan prasarana yang disediakan untuk permainan ini hingga minat orang ramai terhadapnya semakin terbantut. Natiujahnya, permainan tradisional dipandang rendah oleh masyarakat akibat daripada permainan moden.

Oleh sebab itu, kita tidak wajar membiarkan permainan tradisional ini luput ditelan masa dan generasi muda terus merenggangkan diri daripada permainan tradisional kerana kecuaiannya kita mempertahankannya. Sekalipun zaman telah berubah dan negara semakin maju, permainan rakyat ini perlu diwarisi oleh generasi kerana sudah terbukti permainan tradisional ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara'
oleh Samat Buang, Dewan Siswa, September 2016

2

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melunturkan keghairahan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kebaikan yang diperoleh melalui permainan tradisional. Nyatakan kebaikan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah permainan tradisional harus diketengahkan ke peringkat antarabangsa? [4 markah]
- Jelaskan alasan anda.

Soalan 2 (b): Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tapi, dunia ini sudah berubah, bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah. Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini. Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja. Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata. Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.” Bonda merenung mata saya dengan ekor pandangan yang penuh prejudis. Dihela nafas panjang-panjang menahan rasa sebelum bersuara, “Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. Lihat bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah lampau. Mereka membina agenda besar untuk bangsa dan keturunannya.”

Kata-kata bonda itu seolah-olah menikam tajam ke dalam urat-urat saraf saya. Saya pandang bonda sambil mengangguk sebelum kembali membelek helaian demi helaian kitab-kitab lama yang hampir lusuh dan tertanggal kulitnya.

Perkataan-perkataan yang tertulis dalam tulisan jawi lama itu masih mampu saya baca dan fahami walaupun agak perlahan.

3

Sejarah dan kisah bangsa saya pada zaman silam yang berjaya membina ketamadunan dunia cukup membanggakan saya. Saya selusuri bab demi bab dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dengan rasa besar hati.

Dipetik daripada cerpen 'Munshi dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(i) Berdasarkan petikan, apakah kata-kata Mel yang menyebabkan bonda memandang saya dengan pandangan yang penuh prejudis? [2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah selain wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)? [3 markah]

(iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen? [4 markah]

SOALAN 2 (C) Petikan Prosa Tradisional

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini." Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalinan akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalinan masing-masing pada kadarnya.

(Dipetik daripada '*Hikayat Burung Terbang Dipipiskan Lada*'

dalam antologi Sejadah Rindu)

4

- i. Bagaimanakah Sultan Muzaffar Syah menghargai jasa angkatan perang Bendahara Paduka Raja yang berjaya mempertahankan Melaka daripada serangan Siam?
[2 markah]
- ii. Dalam menghadapi serangan tentera Siam, Bendahara Paduka Raja telah mengatur beberapa strategi untuk memastikan kemenangan Melaka.
Nyatakan strategi-strategi tersebut. [3 markah]
- iii. Terdapat pelbagai cara Bendahara untuk mempertahankan kedaulatan Melaka.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh?
[3 markah]

Soalan 2 (d) Puisi Tradisional

Baca gurindam ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GURINDAM DUA BELAS
(*Fasal yang Ketiga*)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (Penyelenggara
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia.

5

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, berikan dua kebaikan jika seseorang itu sentiasa menjaga tangan dan kakinya. [2 markah]
- (ii) Ungkapan lidah lebih tajam daripada mata pedang memberikan gambaran betapa pentingnya kita menjaga pertuturan dalam pergaulan.
Pada pendapat anda, apakah kesannya jika seseorang tidak menjaga tutur katanya? [3 markah]
- (iii) Jelaskan pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tuliskan **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*
- (i) dapat
 - (ii) sependapat
 - (iii) prihatin
 - (iv) keprihatinan
 - (v) sejuk
 - (vi) kesejukan
- [6 markah]
- (b) **Cerakinkan** setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.
- (i) Datuk Haris membeli rumah yang besar di atas bukit itu.
 - (ii) Hanina sedang membaca buku dan Fatin sedang membuat latihan Matematik.
 - (iii) Air sungai sangat deras kerana hujan sangat lebat malam tadi.
- [6 markah]
- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Teater yang dipersembah pada malam itu berjaya menghiburkan hati audien yang hadir.
- (ii) Bungkus makanan tradisional dalam plastik itu terpaksa dilakukan semula kerana terdapat rungutan daripada pengguna tentang kebersihannya.
- (iii) Emak sedang sediakan bahan untuk membuat mee udang sebagai juadah meraikan tetamu yang akan datang ke rumah pada petang nanti.

[6 markah]

6

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelbagai resipi yang menaikkan selera pelanggan dipamerkan di hadapan pintu masuk Sri Utara Restoran.
- (ii) Tanah lungsur yang berlaku di lereng bukit itu telah meranapkan tiga buah rumah apabila penghuninya bernasib baik kerana mereka tiada di rumah ketika itu.
- (iii) Ayah menasihati agar kami mengikut rasmi padi, semakin berisi semakin tunduk supaya kami tidak bersikap bongkak.

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud di bawah.*

- (i) pergaduhan antara adik-beradik tidak akan berpanjangan tetapi akan berbaik semula.
- (ii) orang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain yang berharga.
- (iii) menerima nasib malang yang berterusan.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latif Talib
- (ii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (v) *Silir Daksina* karya Nizar Parman
- (vi) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vii) *Tirani* karya Bebi Sabariah
- (viii) *BimaSakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Kegigihan watak utama dalam sesebuah novel membolehkannya mencapai kejayaan.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat membuktikan pernyataan di atas.
[7 *markah*]

- (b) Keberkesanan perkembangan cerita dalam sesebuah karya banyak dipengaruhi oleh kebijaksanaan penulis untuk memilih peristiwa yang menarik.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa menarik dalam bahagian perkembangan cerita dan sebab anda menganggap peristiwa itu menarik bagi setiap buah novel tersebut.

[8 *markah*]